

6.4 Perkembangan Perusahaan Perlombongan

Perusahaan Perlombongan di Tanah Melayu

- ▶ emas : dilombong secara komersial di Raub, Pahang
- ▶ arang batu : dilombong di Batu Arang, Selangor
- ▶ Bausit (sejenis logam yang digunakan untuk membuat aluminium) : dilombong di Bukit Pasir & Teluk Ramunia, Johor serta Teluk Emas, Melaka.
- ▶ bijih besi : dilombong di Bukit Besi, Terengganu & Rompin, Pahang, juga lombong besi dibuka di Kedah, Perak & Johor.
- ▶ Ilmanit (galian sebagai hasil sampingan perlombongan bijih timah) : dihasilkan di Batang Padang, Perak.

6.4.1 Perkembangan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu

- ▶ akhir kurun ke-19 : Tanah Melayu menjadi pengeluar bijih timah terbesar di dunia.
- ▶ awal kurun ke-20 : Syarikat² Eropah memperkenalkan penggunaan kapal korek.
- ▶ 1930-an : orang Eropah menguasai perusahaan bijih timah di Tanah Melayu

Faktor² perkembangan perusahaan bijih timah

- ▶ revolusi perindustrian di Eropah memerlukan bijih timah untuk perusahaan mengetin makanan.
- ▶ sistem pengangkutan : pembinaan landasan kereta api & jalan raya memudahkan bijih timah dieksport
- ▶ pelaburan modal yang besar dari Syarikat² Eropah.
- ▶ Tenaga buruh yang ramai dari China.
- ▶ penggunaan kapal korek dapat hasilkan banyak bijih timah

Kaedah perlombongan

- ▶ orang Melayu : mendulang & melampar
- ▶ orang Cina : sistem lombong dedah & pam kelikir
- ▶ orang Eropah : kapal korek.

Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa

- ▶ tujuan : memulihkan semula harga bijih timah yang jatuh kerana kemelesetan ekonomi dunia.
- ▶ Negara² yang terlibat : Tanah Melayu, Bolivia, Nigeria & Indonesia.
- ▶ semua negara bersetuju mengurangkan pengeluaran bijih timah masing²

Majlis Bijih Timah Antarabangsa

- ▶ tahun 1934
- ▶ untuk menyelaraskan pengeluaran bijih timah
- ▶ berjaya menstabilkan semula harga bijih timah